

DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN (KERJA KURSUS)

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA**

AMBILAN SEPTEMBER 2019

<u>ISI KANDUNGAN</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1.0 Visi dan Misi Universiti Malaya dan Fakulti Pendidikan, UM	2
2.0 Kata Aluan Dekan Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya	3
3.0 Maklumat Am Universiti Malaya	4 - 5
4.0 Maklumat Am Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya	6 - 9
5.0 Kalendar Pengajian Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan	10
6.0 Struktur Program	11 - 15
7.0 Jadual Waktu Kuliah	16 - 19
8.0 Pelan Lantai Bangunan/ Kemudahan	20 - 27
9.0 Direktori	28 - 30

MISI DAN VISI UNIVERSITI MALAYA DAN FAKULTI PENDIDIKAN

UNIVERSITI MALAYA



VISI

Untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

MISI

Untuk memajukan ilmu pengetahuan dan pembelajaran melalui penyelidikan dan pendidikan berkualiti untuk negara dan kemanusiaan.

FAKULTI PENDIDIKAN



VISI

Menjadi pusat kecemerlangan dalam pendidikan dan pembangunan modal insan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

MISI

Menjana ilmu pengetahuan di samping berusaha untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang pendidikan dan pembangunan modal insan melalui pengajaran, penyelidikan, inovasi, penerbitan dan perundingan.

KATA ALUAN DEKAN, FAKULTI PENDIDIKAN, UNIVERSITI MALAYA



Dengan rasa bangga dan besar hati saya ingin mengalu-alukan kedatangan semua pelajar baharu Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP) bagi sesi ambilan September 2018. Tahniah dan terima kasih kerana memilih Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya sebagai pilihan utama untuk melanjutkan pelajaran. Fakulti yang terulung ini bukan sahaja telah mencipta nama di peringkat nasional bahkan juga di peringkat antarabangsa.

Seiring dengan pencapaian Universiti Malaya, Fakulti Pendidikan juga telah berjaya meningkatkan tarafnya dengan tersenarai sebagai salah satu daripada 100 Fakulti Pendidikan terbaik di dunia. Pencapaian ini tidak tiba dalam sekelip mata tetapi adalah berasaskan daya usaha dan keprihatinan daripada setiap ahli fakulti serta para pelajar. Dengan usia lebih 50 tahun, Fakulti Pendidikan terus unggul dengan kejayaan menghasilkan kira-kira 20,000 graduan cemerlang.

Program yang ditawarkan oleh fakulti bukan hanya menyediakan pelajar dengan ilmu intelektual dan kemahiran semata-mata tetapi turut menghubungkan teori dan amalan bagi mempersiapkan pelajar untuk menempuh alam pekerjaan. Sehingga kini, graduan kami tidak hanya menyerlah dalam industri tempatan malah turut menyinar di persada antarabangsa.

Untuk memastikan kecemerlangan yang mampan, misi dan visi fakulti haruslah didukung ke arah hala tuju yang hendak dicapai. Perancangan disusun dengan teliti untuk generasi akan datang.

Dalam kami berbangga dengan kejayaan ini, Fakulti Pendidikan sentiasa peka terhadap cabaran-cabaran baharu yang dihadapi oleh negara dan juga arena pendidikan. Justeru, Fakulti Pendidikan sentiasa mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam menghasilkan graduan yang berupaya menjadi pemikir dan menyumbang kepada idea-idea baharu seterusnya mampu menyumbang dalam bidang penyelidikan pendidikan masa kini.

Salam hormat dan selamat maju jaya!

'LANGKAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN ANDA BERMULA DI SINI'

PROFESOR DR. ROHAIDA MOHD SAAT
DEKAN
FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA

MAKLUMAT AM UNIVERSITI MALAYA

Universiti Malaya (UM) merupakan universiti pertama yang ditubuhkan di Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) pada 8 Oktober 1949 dari gabungan *King Edward VII College of Medicine* (1905) dan *Raffles College* (1928). Penubuhannya menjadi pemacu kepada kemajuan pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu sehingga tertubuhnya dua cawangan autonomi yang terletak di Singapura dan Kuala Lumpur pada tahun 1956. Dalam usaha memperkuatkannya pendidikan tinggi di kedua-dua negeri, status universiti cawangan perlu dinaik taraf kepada universiti kebangsaan. Oleh itu, Akta Parlimen 1961 telah diluluskan dan secara rasminya Universiti Malaya di Kuala Lumpur telah diiktiraf serta mengangkat martabat kepada universiti kebangsaan pada 1 Januari 1962. Sejak itu, Malaysia (Gabungan dengan Singapura, Sabah dan Sarawak pada 1963) melalui pelbagai proses transformasi dalam dunia pendidikan. Selaras dengan ini Universiti Malaya terus melipat gandakan usahanya untuk menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang ternama di peringkat antarabangsa dalam penyelidikan, inovasi, penerbitan dan pengajaran.

Bagi menjayakan wawasan murni ini, Universiti Malaya disokong oleh hospital penyelidikan terbesar dan pertama di Malaysia iaitu Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), dua akademi, dua belas fakulti, empat institut dan tiga pusat akademik yang bersifat menyeluruh merangkumi bidang perubatan, sains, teknologi serta sains sosial dan sains kemasyarakatan. Selain daripada itu, dalam usaha menyumbang kepada perkembangan ilmu, Universiti Malaya telah mewujudkan enam Kluster Penyelidikan. Penubuhan kluster ini menawarkan penyelesaian dan penemuan terbaharu dalam pelbagai bidang. Penekanan terhadap bidang penyelidikan diperkuatkannya dengan tertubuhnya pusat-pusat kecemerlangan di pelbagai pusat pengajian. Pada 11 Oktober 2006, Universiti Malaya telah diiktiraf oleh Jemaah Menteri sebagai salah satu dari lima universiti awam sebagai universiti penyelidikan. Pada 26 Januari 2012 pula, Universiti Malaya telah diberikan status autonomi oleh Kementerian Pengajian Tinggi (kini dikenali Kementerian Pendidikan Tinggi). Di atas kejayaan Universiti Malaya dalam pengurusan penyelidikan, proses audit *Malaysian Research Assessment Instrument II* (MyRA II), Kementerian Pendidikan Tinggi ke atas Universiti Penyelidikan telah meletakkan Universiti Malaya sebagai '*the Best Research University in Malaysia with the Highest Marks*' pada 1 Disember 2013.

Dengan menjadikan aspirasi nasional sebagai pegangan, Universiti Malaya terus memperkuatkannya kedudukannya dalam dunia akademik di peringkat nasional maupun antarabangsa. UM berada pada kedudukan ke-87 di dunia bagi *QS World University Ranking 2019* dan di tangga ke-24 bagi *QS Asian University Rankings 2018*. UM juga merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang tersenarai dalam kalangan 400 universiti terbaik dunia (*Academic Ranking of World Universities*) oleh *Shanghai Jiao Tong, China*. Pencapaian ini menobatkan Universiti Malaya sebagai universiti terbaik di Malaysia. Pada 6 Mei 2014, Universiti Malaya menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi di Malaysia yang mendapat penarafan 5 bintang oleh *QS Stars Ratings*. Universiti Malaya juga telah diiktiraf sebagai Universiti Pilihan oleh *Reader's Digest Trusted Brand* selama 10 tahun berturut-turut sejak tahun 2007 hingga 2016. Dengan rekod tersebut, UM telah dianugerahkan Anugerah Platinum dalam Kategori Universiti Awam pada 27 Mei 2014. Pengajaran, penyelidikan, penerbitan, inovasi dan komersialisasi menjadi tunjang usaha Universiti Malaya menyumbang kepada dunia akademik dan masyarakat.

Seiring dengan universiti-universiti antarabangsa, Universiti Malaya menjalankan usahasama dengan institut penyelidikan dan universiti terkemuka dari 71 buah negara. Di antara universiti terkemuka dunia yang menjalankan kerjasama secara aktif dengan Universiti Malaya adalah:

University of Cambridge	Beijing Foreign Studies University
Harvard University	Tsinghua University
Kyoto University	National University of Singapore
University of Sydney	National Taiwan University
Queen Mary, University of London	Yale University
Queen's University, Belfast	University of Hyderabad

University of Malaya High Impact Research (UM HIR) telah ditubuhkan pada Februari 2010 dan telah diperuntukkan sejumlah RM10 juta dana dalaman UM bagi menggalakkan penyelidikan fundamental yang mensasarkan penerbitan *Tier 1* ISI/WoS. Menyedari kepentingan UM sebagai institusi penyelidikan terkemuka negara, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM590 juta untuk Program UM-MoHE HIR bagi tempoh 5 tahun bermula Ogos 2011 sehingga Jun 2016.

Sehingga kini, UM telah melantik empat Felo Nobel dan dua Profesor Ulung sebagai ahli Majlis Penasihat HIR. Mereka terdiri daripada Felo Nobel Profesor Barry Marshall (Psikologi atau Perubatan), Felo Nobel Profesor Ryoji Noyori (Kimia), Felo Nobel Profesor David Baltimore (Psikologi atau Perubatan), Felo Nobel Sir Dr. Richard Roberts (Psikologi atau Perubatan), Profesor Ulung Rita Colwell (University of Maryland, USA) dan Profesor Ulung Wong Chi-Huey (Academia Sinica, Taiwan).

Bagi memastikan kurikulum yang disediakan menepati kehendak serta keperluan nasional dan antarabangsa, Universiti Malaya telah berjaya memperolehi akreditasi daripada pelbagai institusi dan badan profesional antarabangsa. Antaranya *Washington Accord*, *Institution of Chemical Engineers UK*, *Royal Institution of Chartered Surveyors (RICS)*, *Association of Building Engineers*, *Royal Institute of British Architects (RIBA)*, *The Association of Chartered Certified Accountants*, *The Chartered Institute of Management Accountants*, *Institute of Chartered Accountants England and Wales*, *Certified Practicing Accountants of Australia*, *SMBG-Eduuniversal France*, *Royal College of Surgeons of England UK*, *Institute of Physics & Engineering in Medicine UK*, *Association of MBA, UK* dan banyak lagi untuk memastikan kurikulum universiti memenuhi keperluan kebangsaan dan antarabangsa, dan ini menunjukkan program kita adalah relevan secara global.

Sebagai universiti ulung di negara ini, Universiti Malaya berikrar untuk menerajui bidang penyelidikan dan inovasi dan mencapai kedudukan di antara 50 universiti terbaik dunia menjelang 2020.

MAKLUMAT AM FAKULTI PENDIDIKAN

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM) ditubuhkan pada 1963, dan pada awalnya dinamakan Sekolah Pendidikan Universiti Malaya. Sekolah Pendidikan Universiti Malaya dibentuk untuk menawarkan Diploma Pendidikan, satu program pasca ijazah, bagi siswazah yang memilih profesion perguruan. Sekolah Pendidikan berkembang dengan amat pesat dan dinaikkan taraf kepada status fakulti pada bulan Julai 1965. Program Sarjana Pendidikan telah ditawarkan untuk julung kalinya selepas dua tahun kemudian, diikuti dengan penawaran program Doktor Falsafah pada tahun 1969.

Sejak penubuhannya, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya telah berjaya melahirkan hampir 20,000 siswazah, iaitu lebih daripada 15,000 pemegang Diploma Pendidikan, lebih daripada 2,282 graduan Sarjana, dan kira-kira 3,500 dengan ijazah dasar pendidikan.

Fakulti Pendidikan menerima pakai peranan proaktif dalam usaha memenuhi era perubahan yang berterusan dalam bidang pendidikan. Ini termasuk penyemakan dan penelitian semula program dan kursus, penyemakan kurikulum dan instruksi untuk memasukkan, jika perlu, perubahan-perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan.

Untuk mencapai wawasan ini, Fakulti telah mengenal pasti objektif yang berikut:

- Untuk menghasilkan guru yang cekap bagi sekolah dan institusi pendidikan lain.
- Untuk menghasilkan pakar dalam semua bidang pendidikan dan pembangunan manusia.
- Menjadi pusat pengajian pasca ijazah dan pembangunan manusia.
- Menjadi pusat inovasi, penyelidikan asas dan aplikasinya dalam semua bidang pendidikan dan pembangunan manusia
- Menjadi pusat latihan dan perundingan dalam bidang pendidikan dan pembelajaran untuk organisasi dan institusi.

Pada tahun 1970, pada dasarnya, struktur Fakulti Pendidikan adalah terdiri daripada lima bahagian yang berbeza. Bagaimanapun, oleh sebab perkembangan baru dan anjakan paradigma dalam sistem pendidikan, Fakulti Pendidikan telah melalui satu siri penstrukturran dan pembentukan semula organisasinya bagi membolehkan Fakulti ini memenuhi hasrat visi dan objektifnya. Pembentukan struktur organisasi terbaru Fakulti Pendidikan telah dilaksanakan apabila jabatan-jabatan yang berikut ditubuhkan.

- Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan
- Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling
- Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar Pendidikan
- Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi

- Jabatan Pendidikan Matematik dan Sains
- Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran
- Institut Kepimpinan Pendidikan

Di samping menawarkan kursus-kursus peringkat ijazah tinggi, sejak permulaan penubuhannya, Fakulti Pendidikan terlibat dalam beberapa program ijazah dasar. Salah satu daripada program ini ialah program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan. Program ini dimulakan bersama dengan Fakulti Sains Universiti Malaya pada tahun 1975 bagi memenuhi permintaan yang tinggi untuk guru-guru sains dan matematik bagi peringkat sekolah menengah atas. Selain itu, program ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam juga telah diperkenalkan pada tahun 1982. Kursus ini ditawarkan dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya bagi menyediakan guru-guru untuk mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah.

Pada tahun 1980, Fakulti Pendidikan mula menawarkan program ijazah dasarnya sendiri, iaitu Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (PBISBK). Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Satu program ijazah dasar dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak ditawarkan buat pertama kalinya pada tahun 1998 dan diikuti dengan satu lagi program ijazah dasar yang membawa kepada penganugerahan ijazah Sarjana Muda Kaunseling in 1997. Program Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Tamil) ditawarkan pada tahun 2000 dan pengambilan kumpulan pelajar terakhir bagi program tersebut ialah pada tahun 2004. Pada tahun 2004, Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) Pendidikan Rendah telah ditawarkan.

Pada masa ini program sarjana muda yang ditawarkan di Fakulti Pendidikan adalah seperti berikut:

1. Sarjana Muda Pendidikan Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua
2. Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak
3. Sarjana Muda Kaunseling

Peranan Fakulti Pendidikan tidak terhad kepada pendidikan guru sahaja. Setiap ahli Fakulti mempunyai kepakaran tersendiri dalam bidang pendidikan, dan kebanyakan ahli akademik di Fakulti ini berkhidmat sebagai penasihat atau pakar runding kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan berbagai-bagai organisasi. Setengah-setengah daripada mereka bertugas rapat dengan agensi-agensi antarabangsa termasuk Bank Dunia, UNESCO, UNICEF, IBRD, RECSAM, dan RELC. Semua staf Fakulti ini terlibat secara aktif dalam penyelidikan, dan sejumlah besar kertas kerja dan artikel telah diterbitkan di kedua-dua peringkat, tempatan dan antarabangsa. Kebanyakan geran penyelidikan ditaja oleh Universiti Malaya atau agensi dalam dan luar negara.

Fakulti Pendidikan telah memulakan usaha ke arah misinya untuk menjadikan Fakulti ini sebagai satu pusat pendidikan ijazah tinggi dalam bidang pendidikan yang membawa kepada penganugerahan ijazah sarjana dan doktor falsafah. Fakulti berhasrat untuk mengeluarkan pendidik berijazah tinggi bagi memenuhi permintaan sistem pendidikan yang dinamik. Dengan

kekuatan semasa kakitangan akademik, yang hampir kepada 100 orang, berbanding dengan jumlah staf yang tidak seberapa, iaitu hanya lima orang, pada tahun 1963, tidaklah menghairankan bahawa Fakulti mempunyai sekumpulan pakar berbakat yang boleh memberikan sumbangan yang lebih besar kepada perkembangan dalam bidang pendidikan.

Fakulti Pendidikan mempunyai jumlah terbesar pelajar ijazah tinggi untuk mengikuti pengajian ijazah sarjana dan doktor falsafah di Universiti Malaya. Di antara calon, yang terdiri daripada rakyat Malaysia, terdapat calon ijazah tinggi dari luar negara seperti Libya, Thailand, Brunei, Fiji, Sri Lanka, Cook Island, Samoa, China, Afrika, dan lain-lain. Dengan kehadiran pelajar dari luar negara, pendedahan dan latihan menjadi lebih luas apabila setiap pelajar dapat berkongsi pandangan dan pengalaman lepas.

Fakulti Pendidikan menawarkan pelbagai pilihan dalam bidang pengajian untuk ijazah Sarjana Pendidikan. Di antaranya ialah bidang:

1. Perkembangan Kurikulum
2. Perancangan dan Pentadbiran
3. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
4. Psikologi Pendidikan
5. Pengukuran dan Penilaian
6. Pendidikan Khas
7. Pendidikan Bahasa Arab
8. Pendidikan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua
9. Pendidikan Bahasa Malaysia
10. Pendidikan Matematik
11. Pendidikan Sains
12. Sosiologi Pendidikan
13. Pendidikan Islam
14. Pendidikan Nilai dan Kemanusiaan
15. Pendidikan Seni Visual
16. Pendidikan Awal Kanak-Kanak
17. Sarjana Pendidikan - *penyelidikan*
18. Dan pengajian-pengajian bidang lain yang mungkin ditawarkan dari semasa ke semasa

Di samping program Sarjana Pendidikan di atas, Fakulti juga menawarkan beberapa program profesional. Di antaranya ialah:

1. Sarjana Kaunseling Professional
2. Sarjana Pengurusan Pendidikan
3. Sarjana Teknologi Pengajaran (Reka Bentuk Pengajaran)
4. Sarjana Pendidikan Matematik dengan Teknologi
5. Sarjana Pendidikan Sains dengan Teknologi Maklumat

Fakulti Pendidikan menawarkan program Doktor Falsafah Secara Penyelidikan dan juga secara Kursus dan Penyelidikan. Bagi Program Doktor Falsafah Secara Kursus dan Penyelidikan 3 bidang ditawarkan buat masa ini adalah;

1. Kurikulum dan Pengajaran
2. Pengurusan dan Dasar Pendidikan
3. Kaunseling

Fakulti Pendidikan turut menawarkan program Diploma Pascasiswazah Pendidikan secara kursus yang merangkumi bidang-bidang pengkhususan seperti berikut:

1. Fizik
2. Kimia
3. Biologi
4. Matematik
5. Sains Komputer
6. Kejuruteraan
7. Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
8. Pendidikan Islam
9. Pendidikan Tahfiz
10. Bahasa Malaysia
11. Teknologi Pengajaran
12. Bahasa Cina
13. Sejarah

Walaupun pada asalnya bahasa pengantar pengajian kebanyakannya dilaksanakan melalui pengantar bahasa Melayu, namun semakin banyak kursus ditawarkan melalui pengantar bahasa Inggeris. Ini membolehkan para pelajar luar negara yang tidak fasih dalam bahasa Melayu dapat mengikuti pengajian ijazah tinggi melalui pengantar bahasa Inggeris di Fakulti ini. Secara praktikal, semua staf akademik Fakulti Pendidikan adalah tenaga akademik dwibahasa, iaitu mereka berkompeten dalam kedua-dua bahasa Melayu dan Inggeris. Untuk pelajar dari luar negara yang tidak menguasai bahasa Melayu, Fakulti ini menyediakan, sebaik mungkin, tatacara pengajian khas, agar mereka dapat meneruskan pengajian kursus mereka dalam bahasa Inggeris.

KALENDAR PENGAJIAN SESI AKADEMIK 2019/2020
DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN

BAHAGIAN I

Haluansiswa	1 minggu	17.09.2019	22.09.2019
Kuliah	6 minggu	23.09.2019	03.11.2019
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu	04.11.2019	10.11.2019
Kuliah	6 minggu	11.11.2019	22.12.2019
Minggu Ulang Kaji	1 minggu	23.12.2019	29.12.2019
Peperiksaan Akhir	1 minggu	30.12.2019	04.01.2019
16 minggu			

BAHAGIAN III (A)

Bina Insan Guru 1	3H 2M	04.01.2020	06.01.2020
Cuti	4 minggu	07.01.2020	01.02.2020
Pengalaman Sekolah I	2 minggu	02.02.2020	16.02.2020
Pegalaman Sekolah II	2 minggu	17.02.2020	01.03.2020

8 minggu

BAHAGIAN II

Kuliah	6 minggu	02.03.2020	12.04.2020
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu	13.04.2020	19.04.2020
Kuliah	6 minggu	20.04.2020	31.05.2020
Minggu Ulang Kaji	1 minggu	01.06.2020	07.06.2020
Peperiksaan Akhir	1 minggu	08.06.2020	14.06.2020
15 minggu			

BAHAGIAN III (B)

Latihan Mengajar	9 minggu	15.06.2020	16.08.2020
Bina Insan Guru 2	1 hari	17.08.2020	17.08.2020
Cuti	5 minggu	18.08.2020	13.09.2020
14 minggu			

Cuti Umum Tahun 2019

Deepavali - 27-28 Oktober
Hari Krismas - 25 Disember

Cuti Umum Tahun 2020

Tahun Baharu 2020	-	1 Januari
Chinese New Year	-	27 Januari
Hari Wilayah Persekutuan	-	1 Februari
Thaipusam	-	8 Februari
Hari Pekerja	-	1 Mei
Hari Wesak	-	7 Mei
Hari Raya Aidilfitri	-	25-26 Mei
Hari Raya Haji	-	31 Julai
Awal Muharram	-	20 Ogos
Hari Kebangsaan	-	31 Ogos

*Tertakluk kepada perubahan

STRUKTUR PROGRAM

PQI	DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN POSTGRADUATE DIPLOMA IN EDUCATION	-	Kerja Kursus <i>Coursework</i>
-----	-----------------------------------------------------------------------	---	-----------------------------------

STRUKTUR PROGRAM / PROGRAMME STRUCTURE

Program ini merangkumi Tiga Puluh Enam (36) jam kredit yang merangkumi Lima Belas (15) jam kredit bagi kursus teras, Enam (6) jam kredit bagi kursus Persediaan Profesional, Sembilan (9) jam kredit bagi Pengkhususan Pertama dan Enam (6) jam kredit bagi Pengkhususan Kedua.

This programme covers a total of Thirty Six (36) credit hours of study including Fifteen (15) credit hours for core courses, Six (6) credit hours for professional courses, Nine (9) credit hours for first specialization and Six (6) credit hours for second specialization.

Kursus Teras Fakulti (Pilihan Wajib) / Faculty Core Courses

PQI 6001	Sejarah dan Asas Falsafah Pendidikan	History and Basic Philosophy of Education	3 credits
PQI 6002	Sosiologi Pendidikan	Sociology of Education	3 credits
PQI 6003	Etika, Akhlak dan Perundangan dalam Pendidikan	Ethics, Akhlak and Legislation in Education	3 credits
PQI 6004	Aplikasi Pembangunan dan Penilaian Kurikulum dan Rekabentuk Pengajaran	Application of Curriculum and Instructional Design Development and Evaluation	3 credits
PQI 6005	Asas Psikologi dan Kaunseling dalam Pendidikan	Foundation of Psychology and Counseling in Education	3 credits

Persediaan Profesional (Pilih Wajib) / Professional Courses

PQI 6006	Pengalaman Sekolah	School Experience	2 credits
PQI 6007	Latihan Mengajar	Teaching Practice	4 credits

PENGKHUSUSAN FIZIK / Physics Specializations

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6017	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Elektrik dan Kemagnetan	Curriculum, Pedagogy and Assessment in Electricity and Magnetism	3 credits
PQI 6018	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Gelombang Cahaya dan Bunyi	Curriculum, Pedagogy and Assessment in Light and Sound Waves	3 credits
PQI 6019	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Fizik dan Nuklear	Curriculum, Pedagogy and Assessment in Nuclear Physics	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6054	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran	Curriculum, Pedagogy and Assessment in	3 credits
----------	-------------------------------------	----------------------------------------	-----------

PQI 6055	Mekanik dan Dinamik Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Jirim dan Tenaga	<i>Mechanics and Dynamics Curriculum, Pedagogy and Assessment in Matter and Energy</i>	3 credits
----------	-----------------------------------------------------------------------------------------	------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------

PENGKHUSUSAN KIMIA Chemistry Specializations

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6020	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran dalam Kimia Fizikal	<i>Curriculum, Pedagogy and Assessment in Physical Chemistry</i>	3 credits
PQI 6021	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran dalam Kimia Inorganik	<i>Curriculum, Pedagogy and Assessment in Inorganic Chemistry</i>	3 credits
PQI 6022	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran dalam Kimia Organik	<i>Curriculum, Pedagogy and Assessment in Organic Chemistry</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6056	Trend dan Isu dalam Pendidikan Kimia	<i>Trends and Issues in Chemistry Education</i>	3 credits
PQI 6057	Kerja Amali dalam Kimia	<i>Practical Work in Chemistry Education</i>	3 credits

PENGKHUSUSAN BIOLOGI / Biology Specialization

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6023	Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Biologi Sel	<i>Curriculum, Teaching and Assessment of Cell Biology</i>	3 credits
PQI 6024	Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Ekologi dan Kepelbagai	<i>Curriculum, Teaching and Assessment of Ecology and Diversity</i>	3 credits
PQI 6025	Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Fisiologi Organisme	<i>Curriculum, Teaching and Assessment of Physiology of Living Things</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6058	Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Genetik	<i>Curriculum, Teaching and Assessment of Genetic</i>	3 credits
PQI 6059	Kurikulum, Pengajaran dan Pentaksiran Konsep Baru Muncul dalam Biologi	<i>Curriculum, Teaching and Assessment of Emerging Concepts in Biology</i>	3 credits

PENGKHUSUSAN MATEMATIKI / Mathematics Specialization

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6026	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Algebra	<i>Curriculum, Pedagogy and Assessment in Algebra</i>	3 credits
PQI 6027	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Kalkulus	<i>Curriculum, Pedagogy and Assessment in Calculus</i>	3 credits
PQI 6028	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Statistik	<i>Curriculum, Pedagogy and Assessment in Statistics</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6060	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran	<i>Curriculum, Pedagogy and Assessment in</i>	3 credits
----------	--------------------------------------------	-----------------------------------------------	-----------

PQI 6061	Geometri Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Matematik Diskrit	<i>Geometry Curriculum, Pedagogy and Assessment in Discrete Mathematics</i>	3 credits
----------	-------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------	-----------

PENGKHUSUSAN SAINS KOMPUTER / Computer Science Specialization

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6029	Kemahiran Digital dalam Pendidikan	<i>Digital Skills in Education</i>	3 credits
PQI 6030	Objek Rangkaian Internet untuk Pendidikan	<i>Internet of Things for Education</i>	3 credits
PQI 6031	Teknologi Audio Video Digital dalam Multimedia	<i>Digital Audio Video Technology in Multimedia</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6062	Persekutaran Pembelajaran Berasaskan Web	<i>Web-Based Learning Environments</i>	3 credits
PQI 6063	Asas Pembangunan Aplikasi Mobile	<i>Basic Mobile Application Development</i>	3 credits

PENGKHUSUSAN KEJURUTERAAN / Engineering Specialization

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6032	Pentaksiran dalam Pendidikan Kejuruteraan	<i>Assessment in Engineering Education</i>	3 credits
PQI 6033	Trend dan Isu dalam Pendidikan Kejuruteraan	<i>Trends and Issues in Engineering Education</i>	3 credits
PQI 6034	Kurikulum dan Pedagogi dalam Pendidikan Kejuruteraan	<i>Curriculum and Pedagogy in Engineering Education</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6064	Pengurusan Bengkel, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam Pendidikan	<i>Workshop Management, Occupational Safety and Health in Engineering Education</i>	3 credits
PQI 6065	Prinsip Teknologi Pengajaran dalam Pendidikan Kejuruteraan	<i>Principles of Instructional Technology in Engineering Education</i>	3 credits

PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN / Health and Physical Education Specializations

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6011	Pendidikan Jasmani, Kesihatan dan Korikulum	<i>Physical Education, Health and Cocurriculum</i>	3 credits
PQI 6012	Kaedah Dalam Pendidikan Jasmani	<i>Methodology in Physical Education</i>	3 credits
PQI 6013	Prinsip Pembelajaran Motor dan Psikologi Sukan	<i>Motor learning principles and sports psychology</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6074	Membangunkan Pembelajaran Interaktif 1	<i>Developing Interactive Learning 1</i>	3 credits
----------	-----------------------------------------------	------------------------------------------	-----------

PQI 6075	Membangunkan Pembelajaran Interaktif 2	<i>Developing Interactive Learning 2</i>	3 credits
----------	-----------------------------------------------	------------------------------------------	-----------

PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN ISLAM / Islamic Education Specialization

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6008	Asas Kurikulum dan Pengajaran Pakar dalam Pendidikan Islam	<i>Curriculum Foundations and Specialist Teaching Area in Islamic Education</i>	3 credits
PQI 6009	Teori Pedagogi dan Aplikasi dalam Pengajaran Pendidikan Islam	<i>Pedagogical Theories and Applications in Teaching of Islamic Education</i>	3 credits
PQI 6010	Praktik Pedagogi dan Simulasi Pengajaran dalam Pendidikan Islam	<i>Pedagogical Practices and Teaching Simulation in Islamic Education</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI6050	Kurikulum dan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab	<i>Curriculum and Method of Teaching Arabic</i>	3 credits
PQI6051	Pengajaran Mikro Bahasa Arab	<i>Arabic Micro Teaching</i>	3 credits

PENGKHUSUSAN PENDIDIKAN TAHFIZ / Tahfiz Education Specialization

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6044	Asas Kurikulum dan Bidang Pengajaran Pakar Dalam Pendidikan Tahfiz	<i>Curriculum Foundations and Specialist Teaching Area in Tahfiz Education</i>	3 credits
PQI 6045	Teori Pedagogi dan Aplikasi Dalam Pengajaran Pendidikan Tahfiz	<i>Pedagogical Theories and Applications in Teaching of Tahfiz Education</i>	3 credits
PQI 6046	Praktik Pedagogi dan Simulasi Pengajaran Dalam Pendidikan Tahfiz	<i>Pedagogical Practices and Teaching Simulation In Tahfiz Education</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6050	Kurikulum dan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab	<i>Curriculum and Method of Teaching Arabic</i>	3 credits
PQI 6051	Pengajaran Mikro Bahasa Arab	<i>Arabic Micro Teaching</i>	3 credits

PENGKHUSUSAN BAHASA MALAYSIA / Bahasa Malaysia Specialization

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6038	Prinsip & Amalan Pengajaran Bahasa Melayu	<i>Principal and Practices In Teaching Malay Language</i>	3 credits
PQI 6039	Perancangan Dasar & Kurikulum Bahasa Melayu	<i>Malay Language Curriculum and Policy Planning</i>	3 credits
PQI 6040	Kajian Perkembangan Literasi Bahasa Melayu	<i>Research in Malay Language Literacy Development</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6068	Pengajaran Kesusteraan dalam Bahasa Melayu	<i>Literature Teaching in Malay language</i>	3 credits
----------	---------------------------------------------------	----------------------------------------------	-----------

PQI 6069	Pengukuran dan Penilaian Dalam Pendidikan Bahasa Melayu	<i>Measurement and Assessment in Malay Language Education</i>	3 credits
----------	----------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------	-----------

PENGKHUSUSAN TEKNOLOGI PENGAJARAN / Instructional Technology Specialization

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6047	Rekabentuk Pengajaran Dinamik	<i>Dynamic Instructional Design</i>	3 credits
PQI 6048	Model dan Inovasi Rekabentuk Pengajaran	<i>Model and Innovation Instructional Teaching</i>	3 credits
PQI 6049	Rekabentuk Sistem Pengajaran	<i>Instructional System Design</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6074	Membangunkan Pembelajaran Interaktif 1	<i>Developing Interactive Learning 1</i>	3 credits
PQI 6075	Membangunkan Pembelajaran Interaktif 2	<i>Developing Interactive Learning 2</i>	3 credits

PENGKHUSUSAN SEJARAH / History Specialization

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6014	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Sejarah Dunia	<i>Curriculum, Pedagogy and Assessment of World History</i>	3 credits
PQI 6015	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Sejarah Islam	<i>Curriculum, Pedagogy and Assessment of Islamic History</i>	3 credits
PQI 6016	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Sejarah Malaysia dan Asia Tenggara	<i>Curriculum, Pedagogy, Assessment History of Malaysia and Southeast Asia</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6072	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Sejarah Zaman Para-Sejarah dan Tamadun Awal Dunia	<i>Curriculum, Pedagogy, Assessment History Of The Early History and World Civilization</i>	3 credits
PQI 6073	Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran Sejarah Kesultanan Melayu dan Kedatangan Kuasa Barat	<i>Curriculum, Pedagogy, Assessment history of the Malay Sultanate and the arrival of the West Powers</i>	3 credits

PENGKHUSUSAN BAHASA CINA /

Pengkhususan Pertama (Pilihan Wajib) / First Specialization

PQI 6041	Prinsip dan Amalan Pengajaran Bahasa Cina	<i>Chinese Language Principles and Practice</i>	3 credits
PQI 6042	Pengajaran Kurikulum Bahasa Cina	<i>Chinese Curriculum Studies</i>	3 credits
PQI 6043	Pengajaran Linguistik Bahasa Cina	<i>Chinese Linguistic Teaching</i>	3 credits

Pengkhususan Kedua (Pilihan Wajib) / Second Specialization

PQI 6070	Pengajaran Kesusastraan Cina	<i>Chinese Literature Teaching</i>	3 credits
PQI 6071	Pentaksiran dalam Pendidikan Cina	<i>Assessment in Chinese Education</i>	3 credits

JADUAL WAKTU

KURSUS TERAS FAKULTI (DITAWARKAN PADA SEMUA PELAJAR DPP)

KOD KURSUS	TAJUK KURSUS	JAM KREDIT	TREK	HARI	MASA	TEMPAT	PENSYARAH
PQI6001	SEJARAH DAN ASAS FALSAFAH PENDIDIKAN	3	1	ISNIN	9.00-12.00	BSEA206	DR ABDUL MUSIEN SULAIMAN
PQI6001	SEJARAH DAN ASAS FALSAFAH PENDIDIKAN	3	2	ISNIN	6.00-9.00	AUDI B	DR AZNI YATI KAMARUDDIN
PQI6001	SEJARAH DAN ASAS FALSAFAH PENDIDIKAN	3	3	ISNIN	6.00-9.00	BSEA306	EN MOHD FAISAL MOHAMED
PQI6001	SEJARAH DAN ASAS FALSAFAH PENDIDIKAN	3	4	ISNIN	6.00-9.00	ARIF	DR CHE ALEHA LADIN
PQI6001	SEJARAH DAN ASAS FALSAFAH PENDIDIKAN	3	5	ISNIN	6.00-9.00	BSEA201	DR ABD RAZAK ZAKARIA
PQI6001	SEJARAH DAN ASAS FALSAFAH PENDIDIKAN	3	6	ISNIN	6.00-9.00	BSEA101	DR VISHALACHE BALAKRISHNAN (SLOT BI)
PQI6002	SOSIOLOGI PENDIDIKAN	3	1	JUMAAT	9.00-12.00	BSEA306	DR ABD RAZAK ZAKARIA
PQI6002	SOSIOLOGI PENDIDIKAN	3	2	SABTU	8.00-11.00	AUDI B	PROF MADYA DR ZAHARI ISHAK (SLOT BI)
PQI6002	SOSIOLOGI PENDIDIKAN	3	3	SABTU	8.00-11.00	ARIF	DR ABDUL MUHSIEN SULAIMAN
PQI6002	SOSIOLOGI PENDIDIKAN	3	4	SABTU	8.00-11.00	BSEA306	EN MOHD FAISAL MOHAMED
PQI6002	SOSIOLOGI PENDIDIKAN	3	5	SABTU	8.00-11.00	BSEC102	DR FONNY DAMEATY HUTAGALUNG
PQI6002	SOSIOLOGI PENDIDIKAN	3	6	SABTU	8.00-11.00	BSEC204	DR AZNI YATI KAMARUDIN
PQI6004	APLIKASI PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KURIKULUM	3	1	RABU	9.00-12.00	BSEC101	EN NORHASHIMI SAAD
PQI6004	APLIKASI PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KURIKULUM	3	2	RABU	6.00-9.00	ARIF	DR. SHAHIZA AHMAD ZAINUDDIN
PQI6004	APLIKASI PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KURIKULUM	3	3	RABU	6.00-9.00	BSEA306	DR. HABIB MAT SOM

PQI6004	APLIKASI PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KURIKULUM	3	4	RABU	6.00-9.00	BSEB301	DR ZURAINAH ABDULLAH
PQI6004	APLIKASI PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KURIKULUM	3	5	RABU	6.00-9.00	BSEB306	DR DONNIE ADAMS A/L PARAMASIVAM
PQI6004	APLIKASI PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN KURIKULUM	3	6	RABU	6.00-9.00	BSEC102	DR AMUTHA

**KURSUS PENGKHUSUSAN PERTAMA
(DITAWARKAN MENGIKUT BIDANG)**

KOD KURSUS	TAJUK KURSUS	JAM KREDIT	TREK	HARI	MASA	TEMPAT	PENSYARAH
PQI6017	KURIKULUM, PEDAGOGI, DAN PENTAKSIRAN ELEKTRIK DAN KEMEGNETAN	3	1	SELASA	2.00-5.00	MAKMAL FIZIK	PS
PQI6020	KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN DALAM KIMIA FIZIKAL	3	1	SELASA	9.00-12.00	MAKMAL KIMIA	DR RANUKA SATHASIVAM
PQI6023	KURIKULUM, PENGAJARAN DAN PENTAKSIRAN BIOLOGI SEL	3	1	SELASA	9.00-12.00	MAKMAL BIOLOGI	DR CHUA KAH HENG
PQI6028	KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN STATISTIK	3	1	SELASA	9.00-12.00	MAKMAL KOMPUTER 1	EN NORJOHARUDDEEN MOHD NOR
			2	SELASA	6.00 – 9.00	MAKMAL MATEMATIK	EN NORJOHARUDDEEN MOHD NOR
PQI6029	KEMAHIRAN DIGITAL DALAM PENDIDIKAN	3	1	SELASA	9.00-12.00	BSEB 303	DR MOHD SHAHRIL NIZAM SHAHROM
			2	SELASA	6.00 – 9.00	BSEB 303	DR MOHD SHAHRIL NIZAM SHAHROM
PQI6034	KURIKULUM DAN PEDAGOGI DALAM PENDIDIKAN KEJURUTERAAN	3	1	SELASA	6.00 – 9.00	T2	DR NOR WAHIDAH AHAMAD
PQI6038	PRINSIP & AMALAN PENGAJARAN BAHASA MELAYU	3	1	ISNIN	6.00 – 9.00	BSC	DR RAJA RAJESWARI
PQI6008	ASAS KURIKULUM DAN PENGAJARAN PAKAR DALAM PENDIDIKAN ISLAM	3	1	SELASA	6.00 – 9.00	BSEA 206	EN RAHIMI SAAD
PQI6044	ASAS KURIKULUM DAN BIDANG PENGAJARAN PAKAR DALAM PENDIDIKAN TAHFIZ	3	1	SELASA	6.00 – 9.00	BSEA 306	EN MOHD FAISAL MOHAMED
PQI6047	REKABENTUK PENGAJARAN DINAMIK	3	1	SELASA	6.00 – 9.00	BSEA 201	DR MOHD SHAHRIL NIZAM SHAHROM


PQI6011	PENDIDIKAN JASMINI, KESIHATAN DAN KOKURIKULUM	3	1	SELASA	6.00 – 9.00	BSEB 301	DR SYED KAMARUZZAMAN SYED ALI
PQI6041	PRINSIP DAN AMALAN PENGAJARAN BAHASA CINA	3	1	SELASA	6.00 – 9.00	ARIF	DR HO PEI YAO
PQI6014	KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN SEJARAH DUNIA		1	SELASA	6.00 – 9.00	T3	DR UMI KALSUM MOHD SALLEH

**KURSUS PENGKHUSUSAN KEDUA
(DITAWARKAN MENGIKUT BIDANG)**

KOD KURSUS	TAJUK KURSUS	JAM KREDIT	TREK	HARI	MASA	TEMPAT	PENSYARAH
PQI6054	KURIKULUM, PEDAGOGI, DAN PENTAKSIRAN MEKANIK DAN DINAMIK	3	1	KHAMIS	9.00 – 12.00	MAKMAL FIZIK	PS
PQI6056	TREND DAN ISU DALAM PENDIDIKAN KIMIA	3	1	KHAMIS	9.00-12.00	MAKMAL KIMIA	DR ROSE AMNAH ABD RAUF
PQI6058	KURIKULUM, PENGAJARAN DAN PENTAKSIRAN GENETIK	3	1	KHAMIS	9.00-12.00	MAKMAL BIOLOGI	DR HIDAYAH MOHD FAZHIL
PQI6060	KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN GEOMETRI	3	1	SABTU	11.00-2.00	MAKMAL MATEMATIK	DR LEONG KWAN EU
			2	KHAMIS	9.00-12.00	MAKMAL MATEMATIK	DR LEONG KWAN EU
PQI6062	PERSEKITARAN PEMBELAJARAN BERASASKAN WEB	3	1	SABTU	11.00 - 2.00	MAKMAL MULTIMEDIA	DR MOHD SHAHRIL NIZAM SHAHROM
			2	KHAMIS	9.00 -12.00	MAKMAL MULTIMEDIA	DR MOHD SHAHRIL NIZAM SHAHROM
PQI6065	PRINSIP TEKNOLOGI PENGAJARAN DALAM PENDIDIKAN KEJURUTERAAN	3	1	SABTU	11.00 – 2.00	T2	DR MOHD RIDHUAN MOHD JAMIL
PQI6068	PENGAJARAN KESUSASTERAAN DALAM BAHASA MELAYU	3	1	SABTU	11.00 – 2.00	BSEA 203	DR CHEW FONG PENG
# PQI6074	MEMBANGUNKAN PEMBELAJARAN INTERAKTIF 1	3	1	SABTU	11.00 – 2.00	MAKMAL KOMPUTER 1	DR RAFIZA ABDUL RAZAK
			2	SABTU	9.00 – 12.00	MAKMAL MULTIMEDIA	DR CHEE KEN HEE
PQI6050	KURIKULUM DAN KAEDAH PENGAJARAN BAHASA ARAB	3	1	SABTU	11.00 – 2.00	BSEA 203	DR MUHAMMAD AZHAR ZAILANI


PQI6070	PENGAJARAN KESUSASTERAAN CINA	3	1	SABTU	11.00 – 2.00	BSEC 101	EN TAN CHOR TER
PQI6072	KURIKULUM, PEDAGOGI DAN PENTAKSIRAN SEJARAH ZAMAN PRA SEJARAH DAN TAMADUN AWAL DUNIA	3	1	SABTU	11.00 – 2.00	T4	DR ABD RAZAK ZAKARIA

PELAN LANTAI KEMUDAHAN/ BANGUNAN




BLOK A (*Block A*)


Tingkat Bawah (*Ground Floor*)




Tingkat Satu (*First Floor*)



Tingkat Dua (*Second Floor*)




Tingkat Tiga (*Third Floor*)




BLOK B (BLOCK B)


Tingkat Bawah (Ground Floor)




Tingkat Satu (*First Floor*)



Tingkat dua (Second Floor)




Tingkat Tiga (*Third Floor*)




BLOK D (BLOCK D)

Tingkat Bawah (Ground Floor)




Tingkat Satu (First Floor)




- ❖ PP&PKUM - PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KELUARGA (UMFR&DC) - UNIVERSITY OF MALAYA FAMILY RESEARCH AND DEVELOPMENT)
- ❖ PPP&PKUM - PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN KELUARGA (HUMFR&DC) - HEAD UNIVERSITY OF MALAYA FAMILY RESEARCH AND DEVELOPMENT)
- ❖ PPA&PP - PUSAT PENYELIDIKAN ANTARABANGSA DAN PERBANDINGAN PENDIDIKAN (CRICE) - CENTRE FOR RESEARCH INTERNATIONAL AND COMPARATIVE EDUCATION)

BLOK E (BLOCK E)


Tingkat Bawah (Ground Floor)




Tingkat Satu (First Floor)



Tingkat Dua (Second Floor)




Tingkat Tiga (Third Floor)




BANGUNAN PENTADBIRAN (Blok F)

ADMINISTRATION BUILDING (Block F)




Tingkat Bawah (Ground Floor)




MENARA PENDIDIKAN (Blok G) EDUCATION TOWER (Block G)


Tingkat Bawah (Ground Floor)




Tingkat Satu (First Floor)




Tingkat Dua (Second Floor)




Tingkat Tiga (Third Floor)




Tingkat Empat (Fourth Floor)



Tingkat Lima (Fifth Floor)



AUDITORIUM



DIREKTORI

AKADEMI/ FAKULTI/ INSTITUT/ PUSAT	TEL 	FAKS 
Akademi Pengajian Islam	03-7967 6000	03-7956 0705
Akademi Pengajian Melayu	03-7967 7200	03-7967 7214
Fakulti Alam Bina	03-7967 5395	03-7967 5713
Fakulti Bahasa & Linguistik	03-7967 3177	03-7957 9707
Fakulti Ekonomi & Pentadbiran	03-7967 3600	03-7956 7252
Fakulti Kejuruteraan	03-7967 5200	03-7956 1378
Fakulti Pendidikan	03-7967 5000	03-7956 5506
Fakulti Pergigian	03-7967 4800	03-7967 4809
Fakulti Perniagaan & Perakaunan	03-7967 3800	03-7967 3980
Fakulti Perubatan	03-7949 2050	03-7954 0533
Fakulti Sains	03-7967 4200	03-7956 6343
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat	03-7967 6300	7957 9249
Fakulti Sastera & Sains Sosial	03-7967 5500	03-7967 5707
Fakulti Undang-Undang	03-7967 6500	03-7955 8690
Institut Asia-Eropah	03-7967 4645	03-7954 0799
Institut Pengajian Termaju (IAS)	03-7967 4600	03-7956 8940
Institut Antarabangsa Polisi Awam & Pengurusan (INPUMA)	03-7967 7972	03-7967 7971
Institut Pengurusan & Pemantauan Penyelidikan (IPPP)	03-7967 4643	03-7967 4699
Pusat Asasi Sains	03-7967 5800	03-7957 6478
Pusat Kebudayaan	03-7967 3454	03-7967 3576
Pusat Sukan	03-7967 3210	03-7956 9590
Pusat Pendidikan Berterusan Universiti Malaya (UMCCed)	03-2246 3633	03-2246 3621
International University of Malaya - Wales (IUMW)	03-2617 3198	03-2617 3203

KOLEJ-KOLEJ KEDIAMAN	TEL 	FAKS 
Kolej Kediaman Pertama (Tuanku Abdul Rahman)	03-7967 3415	03-7956 6117
Kolej Kediaman Kedua (Tuanku Bahiyah)	03-7967 3416	03-7957 1608
Kolej Kediaman Ketiga (Tunku Kurshiah)	03-7967 3417	03-7957 9496
Kolej Kediaman Keempat (Bestari)	03-7967 3418	03-7957 7269
Kolej Kediaman Kelima (Dayasari)	03-7967 3419	03-7956 0121
Kolej Kediaman Keenam (Ibnu Sina)	03-7967 4977	03-7956 7306
Kolej Kediaman Ketujuh (Za'ba)	03-7967 3420	03-7956 3432
Kolej Kediaman Kelapan (Kinabalu)	03-7967 3216	03-7955 8662
Kolej Kediaman Kesembilan (Tun Syed Zahiruddin)	03-7957 3336	03-7957 3749
Kolej Kediaman Kesepuluh (Tun Ahmad Zaidi)	03-7967 3385	03-7625 0513
Kolej Kediaman Kesebelas (Ungku Aziz)	03-7967 4629	03-7625 7334
Kolej Kediaman Keduabelas (Raja Dr. Nazrin Shah)	03-7957 7367	03-7960 3237
Kolej Kediaman Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan	09-712 7508	09-712 4285
Rumah Antarabangsa, Seksyen 17, Petaling Jaya, Selangor	03-7957 6908	03-7967 7710

RAMPAIAN	TEL 
Bank CIMB Cawangan UM	03-7956 8070
Bank Islam Cawangan UM	03-7960 8934
Majlis Perwakilan Mahasiswa UM	03-7967 3412
Kor Sukarelawan Polis Siswa-Siswi (SUKSIS UM)	03-7967 3372
Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES UM)	03-7967 6171
Pos Malaysia Cawangan UM	03-7956 7308

KECEMASAN	TEL	
Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pantai Baru, Kuala Lumpur	03-2282 4444	
Balai Polis, Pantai Baru, Kuala Lumpur	03-2282 2222 03-2031 9999	
Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)	03-7949 4422	
Bahagian Trauma & Kecemasan, PPUM	03-7949 2501	
Klinik Kesihatan Staf & Pelajar	03-7949 2837	
Hospital Besar Kuala Lumpur	03-2615 5555	
Institut Jantung Negara	03-2617 8200	

DIREKTORI FAKULTI PENDIDIKAN	TEL	
Pejabat Dekan	03-7967 5000	
Pejabat Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi)	03-7967 5080	
Pejabat Timbalan Dekan (Ijazah Dasar)	03-7967 5099	
Pejabat Timbalan Dekan (Pembangunan & Penyelidikan)	03-7967 5079	
Pejabat Am	03-7967 5031	
Pejabat Ijazah Tinggi	03-7967 5133/ 3899	
Pejabat Ijazah Dasar	03-7967 5006	
Diploma Pascasiswazah Pendidikan	03-79675103	
Jabatan Psikologi Pendidikan & Kaunseling	03-7967 5038	
Jabatan Kurikulum & Teknologi Pengajaran	03-7967 5026	
Jabatan Pengurusan, Perancangan & Dasar Pendidikan	03-7967 5036	
Jabatan Asas Pendidikan & Kemanusiaan	03-7967 5039	
Jabatan Pendidikan Bahasa & Literasi	03-7967 5024	
Jabatan Pendidikan Matematik & Sains	03-7967 5040	
Institut Kepimpinan Pendidikan	03-2246 3325	
Pusat Penyelidikan & Pembangunan Keluarga Universiti Malaya (UMFRDC)	03-7967 5019	

